PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	6 October 2015

*Najib bersalaman dengan **orang ramai yang menyambut ketibaannya** di Kompleks Bunga Raya, KLIA semalam.*
[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Lebih 1,000 sambut Najib

» PM pulang selepas hampir 2 minggu urusan rasmi di luar negara

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Sepang

Kepulangan Datuk Seri NajibHazak ke tanah air semalam, selepas mengakhiri urusan rasmi di luar negara selama hampir dua minggu disambut meriah lebih **1,000** rakyat yang memberi isyarat jelas sokongan akar umbi yang tidak berbelah-bahagi kepada pemimpin nombor satu negara.

Perdana Menteri bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor tiba di Kompleks Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini pada jam 9.55 pagi dengan menaiki pesawat khas.

Yang turut menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ah Hamsa.

Menteri Kabinet antaranya Menteri Pertahanan, Datuk **Se**ri Hishammuddin Hussein; Menteri Kesihatan, Datuk **Seri** Dr S Subramaniam; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan serta Menteri Belia dan-Sukan, Khairy Jamaluddin turut hadir.

Bawa sepanduk

Terdahulu seawal jam **7** pagi, pekarangan kompleks sudah mula dipenuhi penyokong yang ttirut membawa sepanduk dan kain rentang bagi menyatakan sokongan antaranya 'Selamat Pulang Wira Negara dan Keamanan Sejagat', 'Najib Razak Pejuang Keadilan Terhadap Palestin dan Umat Islam', 'Allah Selamatkan N^jib, Allah Selamatkan Palestin' dan 'PM Najib Help Palegtine, Save Syrian Refugees, We Are With You'.

Perdana Menteri dan isteri berada di Milan mulai 2 Oktober lalu imtuk lawatan kerja tiga hari atas undangan Perdana Menteri Itah, Matteo Renzi, bagi melawat Ekspo Milano 2015.

Beliau sebelum itu berada di New York, Amerika Syarikat bermula **24** September lalu bagi menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA).

Dalam pada itu Hishammuddin berkata, behau terharu dengan sokongan padu yang diberikan rakyat akar umbi bagi menyambut kepulangan Perdana Menteri.

"Sokongan yang diberi hari ini (semalam) datangnya dari akar umbi, dan orang boleh buat macam-macam tuduhan (terhadap kerajaan) tetapi akhirnya kekuatan kita di akar umbi," katanya.

Sokongan padu

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, kehadiran ramai penyokong jelas memberikan isyarat yang pelbagai selain sokongan padu kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri.